

05/10/2003

Ekspo besar-besaran sempena OIC

BERSEMPENA Persidangan Ketua Negara-Negara Islam (OIC) bermula 11 Oktober ini, satu ekspo antarabangsa - Ekspo OIC 2003 yang membabitkan sekitar 600 penyertaan akan diadakan bermula 14 Oktober di Presint 5, Putrajaya.

Ekspo enam hari itu akan merangkumi kawasan seluas 30,000 meter persegi dengan kadar keluasan dewan ekspo 26,976 meter persegi. Ia bukan saja disertai oleh negara anggota OIC tetapi negara bukan anggota seperti Korea Selatan dan China selain turut membabitkan institut pengajian tinggi awam selain syarikat komersial.

Daripada barangan kraf, teknologi, kejuruteraan, pertanian, kewangan kesemuanya akan dihindungkan di bawah satu bumbung. Ekspo antarabangsa ini bukan saja memberi pilihan pelbagai produk untuk pengunjung tetapi lebih daripada itu ia memberi ruang kepada perwakilan negara anggota mencari peluang dalam perniagaan dan pelaburan.

Bagi negara anggota OIC, ekspo ini tentunya akan menjadi medan pendedahan dalam urusan perdagangan dua hala, peluang pelaburan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, tenaga, komunikasi, pelancongan dan kewangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad menyifatkan Ekspo OIC 2003 bertindak sebagai titik tumpuan peluang perniagaan, kebudayaan, kesenian dan sejarah antara warga negara anggota.

Peluang menjalin hubungan dagangan terbuka luas selain mengukuhkan lagi hubungan harmoni negara anggota bukan sesuatu yang mustahil kerana Ekspo OIC 2003 ini menasarkankan kedatangan lebih 50,000 pelancong asing dan 100,000 pelancong tempatan.

Ekspo OIC 2003 dianjurkan bersama F&R Exhibition and Conference Sdn Bhd dengan sokongan Kementerian Luar Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Lembaga Penggalak Pelancong Malaysia dan Malaysia External Trade Development Corporation.

Bersempena dengan Ekspo OIC 2003 juga, Islamic Outreach-Abim akan mengadakan makan malam amal bagi mencari dana untuk pelbagai badan kebajikan bertempat di Dewan Felda, Jalan Maktab pada 13 Oktober nanti.

Makan malam amal yang bertemakan 'In the shade of the tree' akan diserikan lagi dengan kedatangan tiga personaliti istimewa, penasihat agama Islam kepada Presiden George Bush, Shaykh Hamza Yusof, penceramah bebas, Yusuf Islam dan jurugambar profesional Peter Sanders atau nama Islamnya Abdul Adheem

Peter, yang terkenal dengan kerja-kerja seni turut akan mempamerkan karya kreatifnya di Ekspo OIC 2003.

Setiap satu meja untuk majlis berkenaan berharga RM3,000 hingga RM10,000. Untuk makluman lanjut, anda boleh lawati [www.abim.org.my](http://www.abim.org.my).

Sementara itu Takaful Ikhlas, firma takaful insuran keempat di Malaysia yang bertindak sebagai penaja utama Ekspo OIC 2003, juga menyediakan gerai pameran.